

6. TAKLIQ

Definisi Takliq

Cerai takliq adalah perceraian akibat pelanggaran janji yang telah dibuat oleh suami selepas akad nikah. Contohnya "Sekiranya aku meninggalkan isteri lebih daripada enam bulan tanpa memberi nafkah zahir atau batin" atau "sekiranya aku memukul atau mendera isteri atau mendatangkan mudarat kepada isteri", maka isteri yang ditinggalkan atau dicerderakan bolehlah mengadu ke Mahkamah Syariah dan sekiranya aduan itu disabit dan disahkan oleh mahkamah maka terjadilah perceraian takliq.

Perceraian takliq boleh juga berlaku apabila seorang suami membuat janji atau memberi amaran kepada isteri supaya melaku atau meninggalkan daripada melakukan sesuatu. Misalnya, suami berkata kepada isteri: "Aku akan belikan kamu pada bulan hadapan dua pasang baju kebaya sutera dan jika aku tidak dapat menyempurnakannya, kita berdua akan bercerai". Sekiranya pada bulan berkenaan suami tidak menyempurnakan janji tersebut, maka tertakluk pada pengesahan mahkamah, terjadilah perceraian secara takliq.

5. ANGGAPAN MATI

Definisi Anggapan Mati

Anggapan mati ialah apabila suami seorang perempuan telah mati atau dipercayai telah mati atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh 4 tahun atau lebih. Apabila keadaan itu berterusan dan perempuan itu hendak berkahwin lain hendaklah terlebih dahulu mendapat perisytiharan anggapan mati daripada Mahkamah.

NOTA PERINGATAN:

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.

ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-257032 088-258549
FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN
BANGUNAN URUSETIA NEGERI
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155
FAKS:089-670150

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,
PETI SURAT 1882
91043 TAWAU
TEL:089-765942, 089-760908
FAKS:089-765942

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU
TEL:087-336227, FAKS:087-339980

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-253579 FAKS:088-219066



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

JENIS-JENIS PERCERAIAN YANG DIBAWA KE MAHKAMAH SYARIAH



1. TALAQ

Definisi Talaq

Dari segi bahasa bererti melepaskan ikatan. Dari segi syarak ialah melepaskan ikatan perkahwinan dengan melafazkan talaq atau sebagainya. Manakala dari sudut syari'e pula ialah melepaskan ikatan nikah atau perkahwinan dengan lafaz tertentu seperti talaq (cerai) atau faraq (melepaskan diri)

Rukun Talaq

Tiga (3) asas rukun talaq ialah :

1. Orang yang menceraikan (Suami)
2. Orang yang diceraikan (Isteri)
3. Perkataan cerai

Perkataan cerai ini terbahagi kepada dua (2) iaitu:

- (a) Secara terang (Soreh) - suatu perkataan jelas yang menunjukkan perceraian atau memutuskan ikatan perkahwinan seperti 'aku ceraikan kau' atau 'engkau tercerai' dan sebagainya.
- (b) Secara tidak terang (Kinayah) - memerlukan kepada niat menceraikan contohnya " pulanglah kau kepada orang tuamu" atau "keluarlah kau dari rumah ini". Jika diniat cerai maka jatuhlah talaq dan jika tidak diniat cerai maka tidak jatuh talaq.

2. FASAKH

Definisi Fasakh

Pembubaran perkahwinan dengan perintah Hakim atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh hukum syarak.

Sebab-sebab Fasakh di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2004

1. Suami atau isteri tidak diketahui di mana berada selama tempoh lebih daripada satu (1) tahun.
2. Suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkah selama tempoh tiga (3) bulan.
3. Suami atau isteri telah dihukum penjara selama tempoh tiga (3) tahun atau lebih.
4. Suami atau isteri telah tidak menunaikan tanpa sebab yang munasabah, kewajibannya (nafkah batin) selama tempoh satu (1) tahun.
5. Suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan yang suami telah mati pucuk.
6. Suami atau isteri telah gila selama tempoh dua (2) tahun atau sedang menghidap penyakit kusta atau vitiligo atau sedang menghidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit.
7. Isteri, setelah dikahwinkan oleh wali mujbirnya sebelum ia mencapai umur baligh, menolak perkahwinan itu sebelum mencapai umur lapan belas (18) tahun dan ia belum disetubuhi oleh suaminya itu.
8. Suami atau isteri menganiaya isteri atau suaminya, yang antaranya:
 - a. Berkawan dengan perempuan-perempuan atau lelaki jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syarak.
 - b. Cuba memaksa isteri hidup secara lucah.
 - c. Melupakan harta isteri atau suami atau melarang isteri atau suami itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap sesuatu

harta.

- d. Menghalang isteri atau suami dari menunaikan atau menjalankan kewajipan atau amalan Islam.
- e. Suami mempunyai lebih dari seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak Hukum Syarak.
- f. Walaupun empat (4) bulan berlalu tetapi isteri masih belum disetubuhi oleh suami dengan sengaja enggan menyetubuhinya.
- g. Isteri tidak izin terhadap perkahwinan, samada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidaksempurnaan akal.
- h. Pada masa perkahwinan, isteri sungguhpun berkebolehan memberi izin yang sah, adalah seorang yang sakit otak, samada berterusan atau berselang.

3. KHULU' (TEBUS TALAQ)

Definisi Khulu'

Tebus talaq ialah perceraian yang diminta oleh isteri dengan jumlah bayaran tertentu yang dipersetujui atau yang diperintahkan oleh Mahkamah. Dengan kata lain khulu' dari segi syarak bererti perceraian yang diminta oleh isteri dengan membuat bayaran kepada suami.

Talaq jenis ini boleh dilakukan samada pada waktu isteri suci ataupun pada masa haid. Kebiasaannya tebus talaq ini terjadi atas permintaan isteri. Kesan perceraian jenis khulu' ini menyebabkan bekas suami tidak boleh rujuk semula tetapi boleh berkahwin dengan akad dan mahar baru.